

LAND LAW AND SURVEY REGULATION (SBEU 4313)

WEEK 14 – PERATURAN UKUR KADASTRAL (AMALAN KERJALUAR)

Sr DR. TAN LIAT CHOON

07-5543157

016-4975551

ISI KANDUNGAN

- Amalan Kerjalar

AMALAN KERJALUAR

Datum Ukuran

Ia adalah satu keperluan utama bagi setiap ukuran baru untuk membolehkan penentuan asas planimetri ukuran dan nilai koordinat. Setiap ukuran kadaster hendaklah berasaskan kepada datum yang memuaskan yang terdiri daripada:


i. tanda-tanda Cadastral Reference Mark (CRM) yang ditentududukan seperti berikut:

(a) sekurang-kurangnya dua tanda CRM yang berjarak tidak kurang daripada 30 meter dibuat cerapan serentak dengan kaedah MyRTKnet bagi tanda pertama dan kaedah statik bagi tanda kedua; atau

(b) sekurang-kurangnya dua tanda CRM yang berjarak tidak kurang daripada 30 meter dibuat cerapan serentak dengan kaedah statik bagi kedua-dua tanda. Penentuan koordinat tanda CRM pertama boleh melalui pasca pemprosesan Virtual Reference Station (VRS) atau seperti yang dinyatakan di Pekeliling KPUP Bil. 6 Tahun 1999;


DATUM 1

DUA ALAT GNSS



(a) Sekurang-kurangnya dua tanda CRM yang berjarak tidak kurang daripada 30 meter dibuat cerapan serentak dengan kaedah MyRTKnet bagi tanda pertama dan kaedah statik bagi tanda kedua; atau

DATUM 2



(b) Sekurang-kurangnya dua tanda CRM yang berjarak tidak kurang daripada 30 meter dibuat cerapan serentak dengan kaedah statik bagi kedua-dua tanda: atau

Datum Ukuran


(c) sekurang-kurangnya dua tanda Cadastral Reference Mark baru yang berjarak tidak kurang daripada 30 meter dibuat cerapan dengan kaedah MyRTKnet bagi kedua-dua tanda dalam satu inialisasi. Proses yang sama perlu diulang dalam inialisasi kedua; atau

(d) sekurang-kurangnya dua tanda Cadastral Reference Mark yang berjarak tidak kurang daripada 75 meter dibuat cerapan dengan kaedah MyRTKnet masa hakiki bagi kedua-dua tanda dalam dua inialisasi; atau

(e) sekiranya dua tanda Cadastral Reference Mark lama digunakan maka tanda-tanda tersebut hendaklah dibuktikan kedudukannya dengan tanda ketiga dengan ukuran sudut dan jarak sama ada dari Cadastral Reference Mark lama atau NDCDB berhampiran; atau

DATUM 3

GNSS 1
(MyRTKnet)



- (c) Sekurang-kurangnya dua tanda CRM baru yang berjarak tidak kurang daripada 30 meter dibuat cerapan dengan kaedah MyRTKnet bagi kedua-dua tanda dalam satu inisialisasi. Proses yang sama perlu diulang dalam inisialisasi kedua; atau


DATUM 4

GNSS 1
(MyRTKnet)



Initialisasi
kedua (2 epok)

CRM 2



SATU ALAT GNSS

GNSS 1
(MyRTKnet)



Initialisasi
pertama (2 epok)

CRM 1

> 75 meter


(d) Sekurang-kurangnya dua tanda CRM yang berjarak tidak kurang daripada 75 meter dibuat cerapan dengan kaedah MyRTKnet masa hakiki atau statik bagi kedua-dua tanda dalam dua inialisasi; atau

Datum Ukuran

(f) dua tanda ukuran dari NDCDB yang berjarak tidak kurang daripada 40 meter yang mana kedudukan asal tanda-tanda tersebut telah dibuktikan dengan ukuran terus atau terabas dan hitungan, beserta dengan cerapan astronomi untuk azimut atau cerapan MyRTKnet (cerapan MyRTKnet hanya untuk membuktikan tanda sempadan berada dalam kedudukan asal seperti yang ditetapkan di para 4.15 tetapi nilai bearing dan jarak yang terhasil tidak digunapakai); atau


(g) dua tanda ukuran bersebelahan dari NDCDB yang diperakui kedudukannya dan dibuktikan dengan tanda ketiga dengan ukuran sudut dan jarak atau dengan terabas dan berada dalam kedudukan asal.

DATUM 6



- (f) Dua tanda ukuran dari NDCDB yang berjarak tidak kurang daripada 40 meter yang mana kedudukan asal tanda-tanda tersebut telah dibuktikan dengan ukuran terus atau terabas dan hitungan, beserta dengan cerapan astronomi untuk azimuth atau cerapan MyRTKnet; atau

DATUM 7



- (g) Dua tanda ukuran bersebelahan dari NDCDB yang diperakui kedudukannya dan dibuktikan dengan tanda ketiga dengan ukuran sudut dan jarak atau dengan terabas dan berada dalam kedudukan asal.

Peralatan GNSS

Peralatan GNSS lazimnya mempunyai lima (5) komponen utama iaitu alat penerima, antena, unit kawalan dan storan, system komunikasi serta perisian pemprosesan. Keperluan seperti yang disenaraikan di bawah perlulah dipenuhi bagi melayakkan peralatan tersebut digunakan dalam kerja-kerja ukur kadaster.

Keperluan Alat Penerima GNSS Dan Sela Cerapan

Alat penerima GNSS yang akan digunakan untuk tujuan kerja-kerja ukur kadaster hendaklah mempunyai kemampuan menjalankan pencerapan fasa bagi sekurang-kurangnya dua (2) gelombang pembawa daripada L1, L2, L2C atau L5. Hanya alat yang menerima sekurang-kurangnya dwi gelombang boleh digunakan dalam kerja-kerja pengukuran ini.

Keperluan Alat Penerima GNSS Dan Sela Cerapan

Alat penerima mestilah mampu merekodkan fasa isyarat satelit, *tag* masa (merujuk kepada perakam waktu di alat penerima). Bagi kerja-kerja masa-hakiki (*real-time*), alat penerima mestilah mampu merekodkan data-data cerapan asal (*raw data*) di samping data-data cerapan masa-hakiki.

Alat penerima mestilah mampu untuk menjejak sekurang-kurangnya enam (6) satelit GNSS secara serentak. Adalah digalakkan supaya alat penerima GNSS menjejak semua satelit yang berada di atas ufuk semasa pencerapan dilakukan.

Keperluan Alat Penerima GNSS Dan Sela Cerapan

Sela cerapan alat GNSS bagi masa-hakiki perlu diset pada satu (1) saat dan pada masa yang sama data mentah perlu disimpan di dalam alat GNSS atau di dalam unit kawalan.

Cerapan masa-hakiki hendaklah direkodkan pada setiap lima (5) saat dan dibaca sebanyak sepuluh (10) kali bagi melengkapkan satu (1) epok cerapan.

Keperluan Alat Penerima GNSS Dan Sela Cerapan

Sela cerapan statik bagi tujuan pasca pemprosesan hendaklah ditetapkan pada sela lima (5) saat dan dicerap selama sepuluh (10) minit bagi melengkapkan satu (1) epok cerapan pasca pemprosesan.

Pengukuran hendaklah dilakukan dengan mencerap dua (2) epok bagi setiap stesen dan setiap epok melalui proses inisialisasi yang berasingan.

Datum Geosentrik Malaysia (GDM2000)

GDM2000 bermakna datum di mana sistem koordinatnya adalah berasaskan International Terrestrial Reference Frame 2000 (ITRF 2000-2014-2020?). Origin bagi sistem koordinat GDM2000 adalah di pusat jisim bumi atau dengan terma lain sebagai geosentrik dan berdasarkan kepada epok terkini.

Bagaimanapun, sistem rujukan GDM2000 telah mengalami anjakan yang signifikan, lanjutan daripada berlakunya beberapa siri gempabumi besar di Indonesia, terutamanya pada tahun 2004 dan 2005. Oleh hal yang demikian, datum ini telah disemak dan dihitung semula bagi menghasilkan GDM2000 (2009/2020?).

Sistem Unjuran Koordinat

Semua pengukuran di Semenanjung Malaysia mestilah menggunakan Sistem Koordinat Cassini Geosentrik manakala Sistem RSO Geosentrik digunakan bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Syarat-Syarat Datum

Jarak garisan yang akan dijadikan sebagai datum hendaklah melebihi 30 meter dan memenuhi had anjakan yang dibenarkan seperti dinyatakan pada Peraturan 39(2), PUK 2009, manakala sudut dalaman di antara dua garisan yang diperolehi hendaklah tidak melebihi 10”.


Kaedah Pengukuran

Ukuran kadaster boleh dilaksanakan dengan menggunakan kaedah-kaedah GNSS, terabas, radiasi, persilangan dan silangalikan.

Kaedah GNSS

- i. Kaedah cerapan GNSS boleh digunakan untuk pengukuran kawalan ukur kadaster dan ukuran hakmilik tanah.
- ii. Pengukuran menggunakan GNSS hendaklah dibuat mengikut kaedah dan prosedur pengukuran menggunakan GNSS yang ditetapkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

1. Kaedah GNSS



Kaedah Pengukuran

Kaedah Terabas (bearing dan jarak)

Kaedah terabas dengan mencerap bearing dan jarak bagi kedua-dua penyilang kiri dan kanan.

i. Bagi kawasan bandar, terabas hendaklah ditutup kepada stesen CRM berdekatan atau tanda-tanda lama yang disahkan di dalam kedudukan asal bagi setiap 25 stesen terabas atau 1km, yang mana lebih dahulu dicapai.

ii. Bagi kawasan luar bandar, terabas hendaklah ditutup kepada stesen CRM berdekatan atau tanda-tanda lama yang disahkan di dalam kedudukan asal bagi setiap stesen terabas atau 2.5km, yang mana lebih dahulu dicapai.


Kaedah Pengukuran

Radiasi

- i. Kutipan data menggunakan kaedah ini perlulah menghadkan cerapan jarak tidak melebihi 300 meter berdasarkan single-leg sahaja.
- ii. Sekiranya cerapan dibuat melebihi daripada single-leg atau melebihi jarak 300 meter, cerapan perlu ditutup kepada stesen Cadastral Reference Mark berdekatan atau tanda-tanda lama yang disahkan di dalam kedudukan asal tidak melebihi 25 stesen atau kawalan bearing dilakukan dengan cerapan astronomi.
- iii. Cerapan bearing dan jarak hendaklah menggunakan kedua-dua penyilang dan direkod sebagai dua cerapan berasingan.
- iv. Carapan radiasi boleh dilakukan daripada stesen Cadastral Reference Mark.


Nota :

Kaedah radiasi dari stesen 4, 6 dan 8 dibenarkan dengan syarat trabas ditutup ke stesen 10



Nota :


Kaedah radiasi dari stesen 4 dan 6 dibenarkan dengan syarat trabas ditutup ke stesen 11 (CRM / CCI / NDCDB)



Kaedah Pengukuran

Persilangan


Cerapan bearing dan jarak hendaklah dibuat dari dua stesen terabas yang berlainan dengan satu penyilang sahaja.



Kaedah Pengukuran

Silangalikan

Cerapan bearing dan jarak hendaklah dibuat kepada tiga titik kawalan yang berlainan dengan satu penyilang sahaja.



Cerapan Sudut Dan Bearing

- ❑ Setiap ukuran bolehlah bermula sama ada daripada bearing anggaran, bearing kompas prismatic, bearing cerapan matahari atau nilai-nilai lama dari Surihan Kerjaluar atau Pelan Pra-hitungan.
- ❑ Ukuran juga bolehlah bermula dari sekurang-kurangnya dua (2) stesen Cadastral Reference Mark yang berada dalam keadaan baik serta merentasi kawasan ukuran.

Cerapan Sudut Dan Bearing

□ Bagi kerja ukuran di kawasan-kawasan berikut hendaklah bermula dengan sekurang-kurangnya dua (2) tanda Cadastral Reference Mark serta perlu diikat kepada satu tanda lama atau satu lagi tanda Cadastral Reference Mark yang merentasi kawasan ukuran:

- i. Kawasan tersebut tidak mempunyai NDCDB;
- ii. Kawasan tersebut terdiri daripada ukuran kelas 3 atau ukuran demarkasi; dan
- iii. Kawasan tersebut merupakan kawasan yang tidak terlibat dengan proses recoordination dan repopulation (R&R) yang telah dilakukan oleh pihak JUPEM.

Cerapan Sudut Dan Bearing

- ❑ Cerapan bearing atau sudut mendatar bagi setiap ukuran hendaklah dibuat pada dua (2) penyilang iaitu penyilang kiri dan penyilang kanan dengan cerapan penyilang kiri didahulukan.
- ❑ Cerapan bearing atau sudut mendatar hendaklah direkodkan kepada 01" terhampir.
- ❑ Perbezaan di antara bacaan penyilang kiri dan bacaan penyilang kanan hendaklah tidak melebihi 20". Jika melebihi had tersebut, cerapan semula perlu dilakukan.

Cerapan Sudut Dan Bearing

- ❑ Cerapan sudut pugak pertama pada setiap hari hendaklah dibaca di kedua-dua penyilang dan direkodkan kepada 01” terhampir. Perbezaan di antara bacaan kedua-dua penyilang hendaklah tidak melebihi 01’. Jika melebihi had tersebut, cerapan semula perlu dilakukan.
- ❑ Jarak garisan yang digunakan untuk membawa bearing ke hadapan hendaklah bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan alat serta boleh menjamin kejituan cerapan bearing bagi sesuatu ukuran.

Cerapan Jarak

- ❑ Cerapan jarak sempadan seboleh-bolehnya hendaklah dibuat secara terus sama ada secara mendatar atau jarak cerun, tetapi jarak muktamad mestilah merupakan jarak mendatar.
- ❑ Cerapan jarak hendaklah dibaca pada kedua-dua penyilang dan direkodkan kepada 0.001 meter terhampir di mana perbezaan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 0.005 meter.
- ❑ Cerapan jarak hendaklah menggunakan peralatan dan perisian yang membolehkannya direkod secara automatik. Sebarang kemasukan data secara manual (key-in) adalah dilarang sama sekali.

Differential Field Test (DFT)

- i. Ujian Perbezaan Lapangan (Differential Field Test) hendaklah dijalankan setiap kali memulakan kerja baru.
- ii. Bagi kerja yang bermula dengan menggunakan dua (2) tanda Cadastral Reference Mark yang saling nampak, Differential Field Test hendaklah dibuat di atas garisan yang menyambungkan kedua-dua tanda Cadastral Reference Mark tersebut.
- iii. Sekiranya wujud perbezaan jarak di antara cerapan terus menggunakan Total Station berbanding hasil kiraan dua (2) tanda Cadastral Reference Mark, jarak hasil kiraan dua tanda Cadastral Reference Mark hendaklah digunapakai sebagai jarak muktamad garisan tersebut. Had perbezaan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 0.020 meter.

Differential Field Test (DFT)

iv. Bagi perbezaan melebihi had 0.020 meter, tindakan berikut hendaklah diambil jika:

(a) Differential Field Test berada dalam had 0.010 meter, penentuan Cadastral Reference Mark perlu dilakukan semula.


(b) Differential Field Test tidak berada dalam had, alat total station tersebut perlu dibuat kalibrasi.

Pembukuan Differential Field Test

No.Fail P.U.Phg 228-2002

Rajah di muka 2

Stesen	BEARING/SUDUT		Purata	Dari Stn	GARISAN Bearing Muktamat	Ke Stn	Sudut Pugak (+/-)	Jarak	Suhu	Jarak Antara Tupang	Jarak Muktamat
	Penyilang Kiri	Penyilang Kanan									
○	<i>Differential Field Test</i>			A		B	H	60.234 (60.234)			60.234
○ C	<i>pkt atas garisan A-B</i>			C		A	H	26.718 (26.718)			26.718
○	<i>Lihat atas r 2</i>			C		B	H	33.516 (33.516)			33.516
				C		A					26.718
				A		B					60.234 Jum



Semakan Harian

- i. Semakan harian hendaklah dibuat setiap hari sebelum menyambung kerja-kerja ukuran bagi memastikan alat berada dalam keadaan baik.
- ii. Perbezaan di antara jarak diukur berbanding cerapan hari sebelumnya hendaklah tidak melebihi 10 milimeter.
- iii. Bagi alat GNSS, semakan harian hendaklah dibuat juga.

Kaedah Untuk Menanam Tanda Sempadan Baru

- i. Tanda sempadan baru hendaklah ditanam seberapa hampir yang boleh dari kedudukan stesen terabas dan sewajarnya tidak melebihi 300 meter berdasarkan kepada koordinat yang telah ditetapkan dalam pelan pra hitungan atau dalam pelan surihan kerjalar.
- ii. Kaedah melalui GNSS boleh juga digunakan untuk menanam tanda sempadan baru berdasarkan kepada koordinat yang telah ditetapkan dalam pelan pra hitungan atau dalam pelan surihan kerjalar.
- iii. Sebarang perbezaan bentuk atau luas yang melebihi daripada had yang dibenarkan, persetujuan daripada Pentadbir Tanah Daerah hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

Kaedah Penandaan Batu Sempadan

- i. Pemasangan tanda sempadan hendaklah ditanam sebelum atau semasa ukuran dijalankan dengan menggunakan tanda-tanda sempadan mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Jabatan.

- ii. Pemasangan tanda sempadan di atas permukaan lain hendaklah dibuat dengan jelas, kemas dan kekal di dalam tanah dan bahagian atasnya hendaklah berada pada ketinggian tidak melebihi lapan (8) sentimeter di atas permukaan tanah.

Kaedah Penandaan Batu Sempadan

iii. Tanda atas garisan (on-line)

(a) Jika tanda sempadan baru perlu ditanam di atas garisan lama, memadai tanda-tanda sempadan tersebut ditanam berdasarkan kepada koordinat yang telah ditetapkan dalam pelan pra hitungan atau dalam pelan surihan kerjaluar atau koordinat asal (NDCDB).

(b) Bearing dan jarak antara tanda sempadan atas garisan tersebut diperolehi daripada kiraan oleh sistem.

(c) Had perbezaan bearing baru yang dikira berbanding nilai asal hendaklah tidak melebihi 20''.

Kaedah Penandaan Batu Sempadan


iv. Tiada Tanda (T.T.)

Jika kedudukan sempadan berada di lokasi yang tidak boleh ditandakan, kaedah Tiada Tanda (T.T.) hendaklah digunakan seperti berikut:

(a) Tanda-tanda rujukan kekal hendaklah ditanam bagi membolehkan kedudukan tanda sempadan yang sebenar ditentukan; dan

(b) Tanda-tanda rujukan kekal tersebut hendaklah ditanam di atas garisan yang membentuk persilangan sempadan-sempadan berkenaan, seberapa hampir kepada butiran penghalang.

Kaedah Tiada Tanda (TT) Dan Tanda Rujukan (TR)



Proses ukuran bagi menyediakan tanda rujukan bagi batu sempadan yang tidak boleh di tanam kerana ada kolam. TR hendaklah di tanam di atas sempadan lama yang sedia ada sehampir yang boleh dengan TT.

Kaedah Penandaan Batu Sempadan


v. Jarak antara tanda sempadan

(a) Tanda-tanda di atas sempadan lurus hendaklah ditanam pada sela yang tidak melebihi 300 meter jika tanda-tanda tersebut saling nampak atau pada sela tidak melebihi 200 meter jika tidak saling nampak.

(b) Garisan-garisan sempadan mengikut lengkung hendaklah ditandakan di hujung perentas supaya jarak normal dari lengkung tersebut ke garisan perentas tidak melebihi 0.2 meter.

Kaedah Penandaan Cadastral Reference Mark (CRM)

Ukuran kadaster boleh dilakukan dengan membuat ikatan kepada stesen Cadastral Reference Mark atau tanda sempadan lama yang telah disahkan berkedudukan asal. Terabas hendaklah ditutup kepada stesen Cadastral Reference Mark berdekatan atau tanda-tanda lama yang disahkan di dalam kedudukan asal tidak melebihi 25 stesen atau kawalan bearing dilakukan dengan cerapan astronomi.



Kaedah Penandaan Cadastral Reference Mark (CRM)

Bagi kawasan pembangunan baru iaitu kawasan pembangunan perumahan dan komersial, stesen Cadastral Reference Mark dengan grid maksimum bersela 500 meter x 500 meter atau stesen Cadastral Reference Mark sedia ada perlulah diwujudkan bagi tujuan kawalan kepada terabas.

i. Bagi memudahkan pasukan kerjalar menjalankan kerja pengukuran, Cadastral Reference Mark hendaklah ditandakan terlebih dahulu sebelum pasukan kerjalar pergi menjalankan kerja pengukuran di lapangan.

Kaedah Penandaan Cadastral Reference Mark (CRM)

- ii. Bilangan tanda Cadastral Reference Mark hendaklah mengikut seperti mana yang dinyatakan dalam datum ukuran.
- iii. Cadastral Reference Mark ini juga hendaklah ditandakan berhampiran dengan kawasan atau lot yang hendak diukur dan penandaan kedua-dua tanda Cadastral Reference Mark ini seboleh-bolehnya merentasi lot yang hendak diukur.
- iv. Nombor siri tanda Cadastral Reference Mark adalah dijana oleh sistem yang dibangunkan dan berdasarkan nombor fail ukur.

Kaedah Penandaan Cadastral Reference Mark (CRM)

v. Ciri-ciri lain yang perlu diberikan perhatian ketika menentukan lokasi pemilihan tanda CRM adalah:


(a) Cut off angle di sekeliling kawasan tanda Cadastral Reference Mark hendaklah sekurang-kurangnya 15° ;

(b) Punca-punca yang memberi kesan gangguan kepada penerimaan gelombang satelit seperti pencawang letrik, stesen radio, stesen radar dan stesen telekomunikasi hendaklah dielakkan;

Kaedah Penandaan Cadastral Reference Mark (CRM)

- (c) Lokasi tanda Cadastral Reference Mark hendaklah jauh (tidak kurang daripada 50 meter) dari bahan yang boleh menyebabkan pantulan gelombang satelit seperti bangunan tinggi, dinding, bumbung besi dan kolam;
- (d) Tanda Cadastral Reference Mark hendaklah dibuat di tempat yang seberapa selamat yang boleh; dan
- (e) Permukaan tanah di sekitar tanda Cadastral Reference Mark hendaklah stabil.

Kedudukan Tanda CRM Yang Sesuai



SENARAI KANDUNGAN

- **Nombor Fail Rujukan**
 - **Lokasi Kerja**
 - **Peralatan dan Software**
 - **Latar Belakang**
- **Proses Penyediaan Cadangan Titik Kawalan CRM
(*CADASTER REFERENCE MARK*)**
 - **Cerapan *GNSS***
- **Pemprosesan Data Cerapan *GNSS***
 - ***Carta Alir Cerapan GNSS***
 - **Kesimpulan**

TITIK KAWALAN CRM

NOMBOR FAIL RUJUKAN

Info Tool

Current Position: (x=-12,500.395, y=-60,370.316)
WGS84 Position: (lon=101.394342, lat=3.134148)

- > Block
- > Indexmap
- ▼ PU Lot

No. Failukur	PUSEL81_2016
Lot	106177
UPI	100101000106177
Status	Survey
NOPT	62943
STSURATANSEMENTARA	
NOHAKMILIK	
Jenis Hakmilik	PAJAKAN MUKIM
Kelas Ukur	First Class
Tujuan Ukur	BERIMILIK TANAH KERAJA
Kegunaan Tanah	PERUMAHAN/KEDIAMAN
Tarikh Hantaran Hakmilik	

Info Tool

Current Position: (x=-12,500.395, y=-60,370.316)
WGS84 Position: (lon=101.394342, lat=3.134148)

Tarikh Terima Hakmilik	
Keluasan	743.5
Unit Luas	Square Meter
Nama Pemohon	ZULKAFLI BIN SULAIMAN
Alamat Pemohon	JKR 1426, NO.1, TINGKAT
No. Syit Piawai	82D
Luas Muktamad	0
Unit Luas Muktamad	Square Meter
PA	
Name Pemilik	
Alamat Pemilik	
Catatan	

- > Fail Ukur
- > Mukim
- > Daerah

TITIK KAWALAN CRM

NOMBOR FAIL RUJUKAN

Info Tool ✕

Current Position: (x=-12,497.647, y=-60,298.164)
WGS84 Position: (lon=101.394366, lat=3.134800)

- > Block
- > Indexmap
- ▼ PU Lot

No. Failukur	PUSEL81_2016
Lot	106178
UPI	100101000106178
Status	Survey
NOPT	62940
STURATANSEMENTARA	
NOHAKMILIK	
Jenis Hakmilik	PAJAKAN MUKIM
Kelas Ukur	First Class
Tujuan Ukur	BERIMILIK TANAH KERAJA
Kegunaan Tanah	PERUMAHAN/KEDIAMAN
Tarikh Hantaran Hakmilik	
Tarikh Terima Hakmilik	
Keluasan	743.5
Unit Luas	Square Meter
Nama Pemohon	LEE MOI CHU
Alamat Pemohon	NO.16. 1AI AN IMAM ABDU

Info Tool ✕

Current Position: (x=-12,497.647, y=-60,298.164)
WGS84 Position: (lon=101.394366, lat=3.134800)


Jenis Hakmilik	PAJAKAN MUKIM
Kelas Ukur	First Class
Tujuan Ukur	BERIMILIK TANAH KERAJA
Kegunaan Tanah	PERUMAHAN/KEDIAMAN
Tarikh Hantaran Hakmilik	
Tarikh Terima Hakmilik	
Keluasan	743.5
Unit Luas	Square Meter
Nama Pemohon	LEE MOI CHU
Alamat Pemohon	NO.16, JALAN IMAM ABDU
No. Syit Piawai	82D
Luas Muktamad	0
Unit Luas Muktamad	Square Meter
PA	
Name Pemilik	
Alamat Pemilik	
Catatan	

- > Fail Ukur
- > Mukim
- > Daerah

TITIK KAWALAN CRM

LOKASI PROJEK

NDCDB



GOOGLE EARTH



TITIK KAWALAN CRM

LOKASI PROJEK DILAPANGAN



TITIK KAWALAN CRM

PERALATAN



Paip + Baldi + Simen + Pasir + Pepaku + Penukul + Cat + Penggali

TITIK KAWALAN CRM

PERALATAN



*Receiver R8 + Antenna
& Bluetooth Antenna*



*Toughbook &
Broadband*




*Hard Cover Carrying
case*



Pole dan Bipod

TITIK KAWALAN CRM

PERISIAN



KERJALUAR



PEJABAT

LATAR BELAKANG

- *Bagi memenuhi keperluan konsep eKadaster di Malaysia, CRM (Cadaster Reference Mark) telah mula diperkenalkan sebagai salah satu titik kawalan yang boleh digunakan sebagai datum dalam kerja-kerja pengukuran kadaster di Malaysia.*
- *Untuk memenuhi kehendak persekitaran eKadaster, **cadangan titik kawalan CRM (Cadaster Reference Mark)** perlu dibuat merujuk kepada beberapa perkara :*
 - ❖ *Jarak antara titik kawalan tidak kurang 75 meter,*
 - ❖ *Sekurang-kurangnya tiga (3) titik kawalan dibina,*
 - ❖ *Dua (2) titik kawalan hendaklah saling nampak,*
 - ❖ *Titik kawalan hendaklah merentasi lot, dan*
 - ❖ *Jarak titik kawalan di antara lot ukuran dengan lot ukuran lain tidak lebih 300 meter*

TITIK KAWALAN CRM

PROSES PENYEDIAAN CADANGAN TITIK KAWALAN CRM



- ❖ *Terima fail dari Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan (11)m*
- ❖ *Semak kawasan sekeliling lot permohonan ukur samada mempunyai NDCDB atau sebaliknya*
- ❖ *Sekurang-kurangnya tiga (3) titik cadangan CRM*
- ❖ *Gerakan fail kepada pengukur CRM*

LIHAT LAMPIRAN

TITIK KAWALAN CRM

CERAPAN DATA GNSS



TENTUKAN TITIK KAWALAN

JUPEM2U: Download CRM
job


GDSM RTK & GDSM STATIK

PROSES
RTGA

RAW DATA


- ❖ Bina titik kawalan dilapangan
- ❖ Memuat turun fail kerja
- ❖ Cerapan GNSS dengan Kaedah RTK dan Kaedah Statik
- ❖ Proses dan analisis data cerapan RTK. Sekiranya gagal, ulangi cerapan dan sekiranya berjaya pindah ke titik kedua dan ketiga.
- ❖ Transfer Raw Data ke Data Rinex.

CERAPAN DATA GNSS



TITIK KAWALAN CRM

PEMROSESAN DATA CERAPAN



TITIK KAWALAN CRM

PEMROSESAN DATA CERAPAN

4

No	Parameter	Nilai
1	Sela Masa	1 Saat
2	Strategi pemilihan garis dasar	Independent Set (Manual)
3	Cut-Off-Angle	15 °
4	Model Troposfera	Hopfiled
5	Ephemeris	Broadcast
6	Pemrosesan muktamad	Ionosphere Free Fixed
7	Station Weighting	1.5/3.0 mm (Horizontal)
8	Strategi	Minimally/Fully Constrained
9	Ujian Statistik	Chi-Square

GDPM

PVM

FINAL DATA

5


- ❖ **Lakukan Validation data.**
- ❖ **Lakukan Semak kualiti data.**
- ❖ **Tentukan selisih yang dibenarkan 2 cm bagi latitud dan longitud manakala ketinggian 6 cm**

6

- ❖ **Data yang siap diproses akan di zip dan muat naik dalam JUPEM2U.**
- ❖ **Tindakan pengukur eTSM**


TITIK KAWALAN CRM

CARTA ALIR KAEDAH RTK




TITIK KAWALAN CRM

CARTA ALIR KAEDAH RTK




TITIK KAWALAN CRM

CARTA ALIR KAEDAH STATIK



TITIK KAWALAN CRM

KAEDAH STATIK



KESIMPULAN

- **Tanda CRM boleh dijadikan datum kerja untuk pasukan eTSM dan secara tidak langsung ianya dapat memudahkan dan mempercepatkan kerja-kerja eTSM dilapangan.**
- **Tanda CRM juga boleh dijadikan rujukan dalam memantapkan pangkalan data NDCDB**

Jenis Tanda Sempadan Untuk Penandaan

Tanda-tanda sempadan yang dibenarkan adalah:

- (a) batu konkrit, tiang konkrit, batu granit dan paip besi mengikut saiz yang ditetapkan oleh Jabatan;
- (b) paku dan pepaku besi dalam konkrit;
- (c) tanda atas batu iaitu tanda lubang dengan satu anak panah dipahat menunjuk ke arah lubang tersebut; dan
- (d) sebarang tanda lain yang dibenarkan oleh Jabatan, melalui ketetapan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Jenis Tanda Sempadan Untuk Penandaan

Batu Konkrit

- Batu konkrit bertetulang yang panjangnya tidak kurang 600 milimeter (mm) dengan garispusat tidak kurang 75 mm yang mempunyai tanda tebuk bagi titik stesen. Bagi batu konkrit yang ditanam oleh JUPEM, satu pengenalan bertulis “JUP” dicetak di bahagian atas permukaannya. Manakala bagi batu bernombor, nombor siri berkenaan dicetak menggantikan tulisan “JUP” tersebut. Saiz cetakan nombor siri mestilah mengikut saiz yang ditetapkan.

Jenis Tanda Sempadan Untuk Penandaan

Batu Konkrit

- Bagi batu konkrit yang ditanam oleh JTB, permukaan atasnya tiada mempunyai apa-apa pengenalan, manakala batu konkrit bernombor hendaklah dibeli daripada JUPEM Negeri yang berkenaan. Sekiranya JTB bercadang untuk mencetak sendiri batu bernombor tersebut maka nombor sirinya hendaklah terlebih dahulu dipohon daripada JUPEM Negeri yang berkenaan. Harga bagi setiap batu bernombor yang dibeli oleh JTB dari JUPEM Negeri adalah RM 5.00.

Jenis Tanda Sempadan Untuk Penandaan

Tiang Konkrit

- Tiang konkrit bertetulang yang panjangnya 1200 mm hingga 1800 mm berbentuk silinder dengan garispusat tidak kurang 70 mm dan mempunyai tanda tebuk bagi titik stesen.

Batu Granit

- Batu granit berbentuk empat segi dengan ukuran 80 mm lebar, 120 mm panjang dan 600 mm tinggi yang mempunyai tanda tebuk bagi titik stesen.

Jenis Tanda Sempadan Untuk Penandaan

Paip Besi

- Paip besi yang panjangnya tidak kurang 900 mm dengan bergarispusat di antara 25 mm hingga 50 mm dan sebaik-baiknya disalut tar atau disadur dengan logam supaya tahan karat dan lubang paip di bahagian atas mestilah ditutup sebaik-baiknya dengan konkrit yang mempunyai tanda bagi titik stesen.

Paku

- Paku (*nail*) yang panjangnya tidak kurang 55 mm dengan bergaris pusat 8 mm. Kepala paku hendaklah bergaris pusat 15 mm dan mempunyai penutup bergarispusat 46 mm serta mempunyai tanda bagi titik stesen.

Jenis Tanda Sempadan Untuk Penandaan

Pepaku Besi

- Pepaku besi (*iron spike*) yang panjangnya tidak kurang 100 mm dengan bergaris pusat 12 mm. Kepala pepaku hendaklah bergarispusat 25 mm dan mempunyai tanda bagi titik stesen.

Tanda Atas Batu (*mark on rock*)

- Ditandakan di atas permukaan batu dengan cara menebuk lubang sebagai tanda titik stesen dan satu penunjuk anak panah dipahat menghala ke lubang tersebut.

Jenis Tanda Sempadan Untuk Penandaan

Singkatan dan simbol yang digunakan bagi tanda-tanda sempadan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan.

i. Penandaan sempadan hendaklah menggunakan jenis-jenis tanda sempadan yang dibenarkan.

ii. Tanda Cadastral Reference Mark boleh berupa paip besi berkonkrit atau pepaku berkonkrit. Tanda sempadan yang sedia ada juga boleh digunakan untuk tujuan yang disebutkan. Walaupun begitu, nombor tanda kawalan ukur kadaster perlu dicetak pada apa sahaja tanda yang digunakan.

Jarak Antara Tanda Sempadan

- ❑ Tanda-tanda di atas sempadan lurus hendaklah ditanam pada sela yang tidak melebihi 300 meter jika tanda-tanda tersebut saling nampak atau pada sela tidak melebihi 200 meter jika tidak saling nampak.
- ❑ Garisan-garisan sempadan yang mengikut lengkungan hendaklah ditandakan di hujung perentas supaya jarak normal dari lengkung tersebut ke garisan perentas tidak melebihi 0.2 meter.
- ❑ Jarak minimum antara tanda sempadan adalah 0.1 meter.

Keluasan

❑ Luas lot hendaklah dijana daripada NDCDB kepada 0.1 meter persegi terhampir.

❑ Jika luas ditunjukkan dalam hektar:

(i) keluasan tidak melebihi 1 hektar ditunjuk kepada 0.0001 hektar terhampir;

(ii) keluasan melebihi 1 hektar dan tidak melebihi 10 hektar ditunjuk kepada 0.001 hektar terhampir; dan

(iii) keluasan melebihi 10 hektar ditunjuk kepada 0.01 hektar terhampir.

Keluasan

❑ Lot-lot yang tidak ditunjuk dalam hektar hendaklah ditunjuk dalam meter persegi dan digenapkan kepada meter persegi terhampir. Bagi pecahan lot di mana keluasannya kurang daripada 1 meter persegi, ditunjuk kepada 0.1 meter persegi terhampir.

❑ Keluasan hendaklah ditunjukkan dalam hektar bagi:

(i) Lot -lot pertanian; dan

(ii) Lot - lot perumahan atau bangunan, perusahaan atau perindustrian dan lot-lot dalam bandar dan pekan yang lebih daripada 2 hektar.

❑ Keluasan hendaklah ditunjukkan dalam meter persegi bagi lot-lot perumahan atau bangunan, perusahaan atau perindustrian dan lot-lot dalam bandar dan pekan yang kurang daripada 2 hektar.

Keluasan

❑ Keluasan bagi hakmilik strata:

(i) Keluasan lantai mana-mana petak dan petak aksesori hendaklah ditentukan dengan kaedah penskalaan dan ditunjukkan kepada meter persegi terhampir; dan

(ii) Keluasan petak tanah hendaklah ditentukan berdasarkan kepada nilai ukuran dan ditunjukkan kepada meter persegi terhampir.

❑ Segipadu bagi lot stratum hendaklah dihitung kepada 0.1 meter padu dan ditunjukkan kepada meter padu terhampir.

Perbezaan Keluasan Yang Dibenarkan

Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan apa-apa perbezaan antara luas diukur dengan luas yang diluluskan yang melebihi had. Jika terdapat perbezaan ketara antara keluasan tersebut, Pengarah Ukur dan Pemetaan atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah.

Perbezaan Keluasan Yang Dibenarkan

□ Had penerimaan perbezaan keluasan yang diukur berbanding keluasan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) adalah seperti berikut:

- i. tidak melebihi 5 % bagi luas di bawah 40 hektar;
- ii. tidak melebihi 2 hektar bagi luas antara 40 hektar dan 200 hektar; dan
- iii. tidak melebihi 1 % bagi luas melebihi 200 hektar.

Perbezaan Keluasan Yang Dibenarkan

- ❑ Prosedur yang dinyatakan di atas tidak terpakai dalam keadaan di mana lot yang diukur dilingkungi oleh sempadan-sempadan lama.
- ❑ Perbezaan yang melebihi had yang dinyatakan di atas hendaklah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah oleh Pengarah Ukur Dan Pemetaan Negeri atau Jurukut Tanah Berlesen, di mana berkaitan.

Ukuran Semula

- ❑ Ukuran semula tidak perlu jika ukuran terdahulunya mengikut peraturan Jabatan dan tanda-tanda sempadan telah disahkan dalam kedudukan baik oleh Pegawai Petempatan.
- ❑ Dalam kes pecah sempadan, pecah bahagian, serahan atau pengambilan balik, ukuran semula hendaklah tertumpu kepada sempadan-sempadan yang terlibat manakala garisan-garisan sempadan lain adalah bagi tujuan datum dan tutupan sahaja.

Ukuran Semula

❑ Kecuali diminta sebaliknya, maka ukuran bahagian lot yang terlibat dengan pengambilan balik di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, terhadap kepada baki lot itu sahaja, yang mana perlu dijalankan mengikut peraturan kecil (2).

Dalam kes ukuran semula bagi sempadan bentuk semulajadi, sempadan sedemikian hendaklah diukur dengan garisan lurus seberapa hampir yang boleh kepada bentuk semulajadi itu bilamana:

- (i) sungai atau laut mara ke dalam lot hingga melepasi garisan terabas sedia ada; dan
- (ii) sungai atau laut mara ke dalam lot menyebabkan lot terbahagi dua atau lebih.

Ukuran Semula

